

Ingatan kepada para petani, penternak dan nelayan

Milikilah saham — PM

Oleh WAHID HASHIM
dan SITI HATIJA YUSOF

KUALA LUMPUR 6 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sudah tiba masanya bagi para peladang, penternak dan nelayan memiliki saham melalui syarikat-syarikat gergasi yang mereka tubuhkan sendiri bagi menggantikan sistem koperasi sekarang.

Perdana Menteri berkata, syarikat-syarikat yang dipelopori oleh para peladang, penternak dan nelayan ini haruslah diuruskan oleh para profesional dengan mempunyai teknologi moden, modal, penyelidikan canggih, skil pembungkusan, pelaburan, mengenal pasti pasaran tempatan dan luar negara.

Beliau berkata, era menggunakan koperasi sebagai alat komersil telah berlalu kerana ia

mempunyai banyak halangan dan tidak boleh diuruskan sebagai badan perniagaan profesional.

"Saya berpendapat, dalam zaman moden ini, segala keluaran harus diluaskan secara besar-besaran contohnya seorang petani atau kelompok kecil tidak boleh menampung keperluan 19 juta penduduk dan eksport negara.

"Untuk itu, adalah elok kalau diadakan syarikat-syarikat besar di mana peladang, penternak dan nelayan menjadi pemegang saham, tetapi pengurusannya di tangan para profesional," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas melancarkan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1994 di sini, hari ini.

■ Lihat muka 2

Milikilah saham — PM

Sambil merujuk kepada sejarah Amerika Syarikat, Dr. Mahathir berkata, pada mulanya negara itu tidak begitu ramai penduduknya tetapi 95 peratus daripada penduduk itu bekerja sebagai peladang dan hanya 5 peratus sahaja bukan peladang.

"Tetapi kini, kurang daripada lima peratus rakyat Amerika menjadi peladang tetapi mampu mengeluarkan makanan cukup untuk 95 yang bukan peladang dan diri mereka sendiri," katanya.

Terdahulu, di dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, era menangkan ikan dengan kail atau melepaskan peliharaan, misalnya lembu, mencari

rumpun sendiri sudah berlalu, dan tidak boleh diadakan sekarang.

Kata beliau sudah tiba masanya syarikat-syarikat 'kenit' diganti dengan sebuah syarikat gergasi sekiranya para penternak, peladang dan nelayan mahu mengubah imejnya.

Menurut Perdana Menteri, adalah lebih baik sekiranya seorang peladang, penternak atau nelayan membeli saham daripada sebuah syarikat yang besar daripada memiliki saham 100 peratus sebuah syarikat 'kenit' yang belum tentu terjamin.

Beliau menambah, apabila sudah mempunyai syarikat yang besar dan

kukuh, barulah pihak bank akan memberi kepercayaan kepada para peladang, nelayan atau penternak membuat pinjaman.

"Orang Melayu pun sekarang sudah hebat, tengoklah bank bagi pinjaman sampai RM1.792 bilion kepada Datuk Tajudin Ramli untuk membeli 32 peratus kepentingan dalam Penerbangan Malaysia, peladang pun boleh kalau kena caranya," ujar beliau.

Dalam majlis itu juga, Dr. Mahathir telah menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 1994.